



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PEMIKIRAN PUISI A. SAMAD SAID & TAUFIQ ISMAIL DALAM ISU SOSIAL

ABD RAHIM BIN ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PEMIKIRAN PUISI A. SAMAD SAID & TAUFIQ ISMAIL DALAM ISU SOSIAL

ABD RAHIM BIN ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA (PERADABAN MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN)

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...13...(hari bulan)...MAC..... (bulan) 20.18..

i. Perakuan pelajar :

Saya, ABD RAHIM BIN ABDULLAH, M20121001140, IPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS PEMIKIRAN PUISI A SAMAD SAID DAN TAUFIQ ISMAIL DALAM ISU SOSIAL

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. AZHAR BIN WAHID (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS PEMIKIRAN PUISI A SAMAD SAID DAN TAUFIQ ISMAIL DALAM ISU SOSIAL

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (PERADABAN MELAYU) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **ANALISIS PEMIKIRAN PUISI A SAMAD SAID DAN TAUFIQ ISMAIL
DALAM ISU SOSIAL**

No. Matrik /Matric's No.: **M20121001140**

Saya / I : **ABD RAHIM BIN ABDULLAH**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan rasa terima kasih yang dalam kpd Prof Madya Dr Azhar Wahid, Penyelia terakhir saya. Tanpa dorongan dan tunjuk ajar beliau; kajian tesis ini tidak akan terlaksana. Semoga Allah SWT memberkati beliau.

A RAHIM ABDULLAH





ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang bertujuan untuk mencapai tiga objektif iaitu mengenal pasti pengalaman sosial dan politik penyair yang terlibat, dalam sesuatu isu sosial yang terdapat dalam puisi A Samad Said dan Taufiq Ismail. Kedua, mengenai hal-hal kemanusiaan, kemasyarakatan, dan sosiopolitik dalam isu-isu sosial. Ketiga, menganalisis makna dan mesej yang terdapat dalam karya puisi kedua-dua penyair, yang mengungkapkan permasalahan sosial orang Melayu. Kajian ini menggunakan teori Semiotik Charles Sanders Peirce, teori tanda Jonathan Culler, dan Aart van Zoest, untuk mencari dan memahami makna tanda-tanda tentang isu-isu sosial dalam teks puisi A. Samad Said dan Taufiq Ismail. Dapatan kajian ini berjaya menemukan tanda-tanda ikon imej, ikon diagram dan ikon metafora, yang digunakan oleh penyair untuk memperjelaskan isu-isu sosial yang terangkum dalam puisi-puisi yang dikaji. Kesimpulannya, isu sosial yang utama ditemui ialah pengalaman sosial dan politik tersebut, implikasi kajian ini berasaskan kepada sumbangan penyair A Samad Said dan Taufiq Ismail yang mencatatkan segala pengalaman sosial yang penting dalam negaranya, perlu dilihat dan diterima sebagai suatu khazanah persuratan dan tamadun bangsa Melayu. Dapatan ini juga memperlihatkan pentingnya para penyair disamatarafkan dengan pemikir, ilmuan serta intelektualisme peradaban negara bangsa Melayu.





THINKING ANALYSIS OF POEM BY A SAMAD SAID AND TAUFIQ ISMAIL IN SOCIAL ISSUES

ABSTRACT

This study is about a qualitative research which aims to achieve three objectives that is identifying social experiences and political poet, whom involved in the social issues in the poem of A Samad Said and Taufiq Ismail. Secondly, describing thoughts of A Samad Said and Taufiq Ismail about issues on humanitarian, community and sociopolitical in social issues. Thirdly, analyzing the meaning and message in the poem of both poet, expressing social problem of Malays. The study uses Semiotic Charles Sandres Peirce theory, in addition sign theory by Jonathan Culler and Aart van Zoest, to find and understand the meaning of these sign on social issues in the poetry text of A Samad Said and Taufiq Ismail. Base on the analysis done, this study managed to discover signs of image icon, diagram icon and metapohor icon, which has been used by the poet to explain social issues, included in the poem being studeid on. The main social issues found is social experinces, and political poet which includes humanity and comunitty experinces, and the effect of thought on social and political. The implications of this study based on the contribution of poetry A Samad Said and Taufiq Ismail which recorded all the important social in his country, need to be seen and accepted as treasure and Malays civilization. This finding also should importance of poet's thinking equal to thinkers, scholars as well as the intellectual civilazation of the Malay nation.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Latar Belakang Teori	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Soalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Skop dan Batasan Kajian	8
1.8 Kaedah Kajian	11
1.8.1 Kaedah Kepustakaan	11
1.8.2 Kaedah Analisis Teks	12
1.9 Teori Kajian	12
1.10 Definisi Operasional	12
1.11 Metodologi Kajian	13
1.12 Pembacaan Teliti	16
1.13 Pendekatan Kajian	16
1.14 Pembahagian Bab	17





BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	21
2.1 Pengenalan	21
2.2 Kajian Terhadap Karya A. Samad Said	27
2.3 Kajian Terhadap Karya Taufiq Ismail	35
2.4 Kesimpulan	42
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	44
3.1 Pengenalan	44
3.2 Kaedah Kajian	47
3.2.1 Pembacaan Teliti	47
3.3 Teori Kajian	48
3.4 Kesimpulan	49
BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN	50
4.1 Pengenalan	50
4.2 Konsep Pemikiran dan Hubungannya dengan Kreativiti	51
4.3 Penyair dan Proses Kreatif	58
4.4 Konsep Pengalaman dan Pemikiran	63
4.5 Pengalaman dan Pemikiran Islam	66
4.6 Nasionalisme dan Patriotisme	68
4.7 Kesimpulan	73
4.8 Analisis Pengalaman Sosio Politik dalam Puisi A. Samad Said dan Taufiq Ismail Menurut Teori Semiotik	74
4.8.1 Pengenalan	74
4.8.2 Analisis Struktural Semiotik	75
4.8.3 Pengalaman Sosial dan Politik dalam Puisi A. Samad Said	81
4.8.4 Pengalaman Kemanusiaan dan Kemasyarakatan dalam Puisi A. Samad Said	83



4.8.5	Pengalaman Sosial dan Politik dalam Puisi Taufiq Ismail	113
4.8.6	Pengalaman Kemanusiaan dan Kemasyarakatan dalam Puisi Taufiq Ismail	114
4.8.7	Pengalaman Politik dalam Puisi Taufiq Ismail	127
4.9	Kesan Pemikiran Sosial dan Politik dalam Puisi A. Samad Said dan Taufiq Ismail	154
4.9.1	Maksud Intelektual Sosial	155
4.9.2	Pemikiran Nasionalisme dan Patriotisme	156
4.9.3	Pengalaman dan Kesan Sosio-Politik	164
4.9.4	Politik, Seni Budaya dan Kemanusiaan: Suatu Kesan Pengalaman	179
BAB 5 KESIMPULAN		215.
5.1	Pengenalan	215
5.2	Penutup dan Rumusan	220
RUJUKAN		223



BAB 1

PENDAHULUAN



1. 1. Pengenalan

PUISI adalah satu bidang sastera yang memiliki daya estetikanya yang tinggi berbanding genre sastera yang lain. Puisi dikatakan sebagai inti pernyataan sastera, kerana menurut sejarahnya, pernyataan sastera pada semua bangsa dimulai dengan puisi, serta ciri-ciri khas kesusasteraan berpusat pada puisi (Subagio Sastrowardojo, 1961 bdk. Rachmat Djoko Pradopo, 1994:62-63). Hakikat ini terbukti, kerana puisi bergantung pada ketinggian dan keberhasilan penggunaan bahasa oleh penyairnya. Dengan kata lain, untuk menjadi seorang penyair yang baik, dia haruslah menguasai bahasa sebaik mungkin. Jika tidak, karyanya itu akan terasa janggal dan sudah tentu tidak dapat melahirkan kesan estetik sebagaimana seharusnya yang terdapat dalam sesebuah puisi. Syarat untuk mencipta dan melahirkan puisi yang baik ialah pemikiran jernih penyair selain pilihan kata atau diksi





yang baik, indah dan tepat untuk membina struktur dalaman sesebuah puisi. Dengan kata lain, pengucapan dan daya apresiasi sesebuah puisi tergantung kepada dua struktur utamanya, iaitu struktur luaran dan struktur dalaman. Maksud struktur dalaman ialah makna yang terdapat dalam sesebuah puisi, atau batin puisi, yakni paduan tema, perasaan, nada dan amanat ataupun mesej (I. A. Richard, 1976:180-181).

Sehingga kini, tidak banyak kajian mengenai keberhasilan dan keberkesanan bahasa sesebuah puisi itu, dilihat daripada aspek pemikiran ataupun ideologi. Kajian terhadap aspek kebahasaan sesebuah puisi sebenarnya amat erat dengan permainan atau keupayaan bahasa yang digunakan seseorang penyair dalam melahirkan struktur dalaman sesebuah puisinya. Maka itu, kajian pemikiran dua penyair ini, iaitu A Samad Said (Malaysia) dan Taufiq Ismail (Indonesia) juga cuba memperlihatkan keupayaan para penyair ini memanfaatkan bahasa dalam penghasilan buah puisi yang bernas, baik dan indah.

Seperkara lagi yang perlu diperhatikan ialah, puisi dalam sejarah perkembangannya tetap mendapat tempat dalam masyarakat. Ini kerana menurut Matthew Arnold, penyair dan pengkritik sastera Inggeris pada abad lalu, meletakkan puisi pada landasan dasar kritik terhadap kehidupan – bahawa keunggulan seorang penyair itu, terletak pada aplikasi gagasannya yang indah dan kuat terhadap kehidupan; untuk mengajukan pertanyaan: bagaimana harus hidup? (Muhammad Haji Salleh, 1996:15). Oleh sebab itu, kajian puisi yang lebih bermakna adalah dengan memperhatikan hubungan antara aspek nilai, hakikat dan fungsi karya sepertimana yang disarankan oleh Rene Wellek, apabila ada orang bertanya bagaimana orang menilai dan menentukan nilai sastera, maka kita harus menjawabnya dengan definisi tertentu. Orang seharusnya





menilai seni sastra seperti seadanya, serta menaksirkan nilai itu menurut kadar sastra; hakikat, fungsi dan penilaian erat yang saling berhubungan. (Wellek dkk.1955: 228).

1.2 Permasalahan Kajian

Karya puisi dua tokoh penyair Melayu Nusantara iaitu A.Samad Said (Malaysia) dan Taufiq Ismail (Indonesia) wajar dikaji. Ini kerana sifat puisi yang menggunakan gaya bahasa yang dianggap abstrak, sukar diterjemah dan dihayati maknanya oleh pembaca, sedangkan ia mengandungi pemikiran yang penting, terutamanya mengenai hal-hal yang berkaitan dengan kemanusiaan dan kemasyarakatan. Dengan itu, karya puisi wajar disampaikan kepada khalayak sebaik mungkin. Berdasarkan kepentingan tersebut, tujuan kajian ini juga untuk mendapatkan sebanyak mungkin ikon penyair A Samad Said dan Taufiq Ismail, sebagai ikon sosial dan ikon individu (menurut teori semiotik C.S Peirce), yang gigih berkarya dan menyuarakan isi hati dan hasratnya di tengah-tengah masyarakat, melalui kekuatan bahasa kreatif (puisi). Hal ini berkait rapat dengan analisis teks kedua-dua penyair yang melalui pengalaman sosiobudaya dan sosiopolitik mereka yang panjang.



1.3. Latar Belakang Teori

Pengkaji memilih pendekatan struktural-semiotik dengan teori semiotik Charles Sanders Peirce sebagai usaha untuk menghuraikan segala ungkapan, kata dan frasa yang digunakan oleh kedua-dua penyair. Penggunaan kaedah struktural-semiotik, nescaya pemahaman terhadap puisi akan lebih menjernihkan proses signifikasi (pemberian makna) yang sebenar, sebagaimana yang dihasratkan penyair bahawa puisinya difahami masyarakat.

Secara etimologi, 'semiotik' berasal dari kata *semion* (Yunani) yang bermaksud 'tanda', yakni tanda yang diertikan sebagai sesuatu yang lain. Contohnya, asap menandakan adanya api. Secara terminologi, 'semiotik' dapat diertikan sebagai ilmu yang mempelajari pelbagai peristiwa yang terjadi di seluruh alam maya ini sebagai tanda. Selain 'semiotik', istilah ini juga dikenali dengan nama 'semiologi' yang mempunyai pengertian yang sama. Aliran semiotik Peirce (di Amerika Syarikat) lebih dikenali dengan istilah 'semiotik'/'semiotika'. Mereka yang menganut fahaman Ferdinand de Saussure (Eropah) pula, lebih popular dengan penggunaan kata 'semiologi'. C.S Peirce terkenal dengan teori segi tiga makna atau *triangle meaning* berdasarkan tiga unsur utama: *sign*, objek dan *interpretant*. Tanda adalah sesuatu yang berbentuk fizik yang dapat ditangkap oleh pancaindera manusia, dan merupakan sesuatu yang merujuk (representasi) pada hal lain di luar tanda berkenaan. Tanda menurut Peirce, terdiri daripada 'simbol' (tanda yang muncul daripada kesepakatan), 'ikon' (tanda yang muncul dari perwakilan fizik), dan 'indeks' (tanda yang muncul dari hubungan sebab-akibat). Sementara acuan tanda disebut objek – acuan tanda yang muncul, kerana ada konteks sosial yang menjadi referensi dari tanda, atau sesuatu yang dirujuk oleh tanda.



Maksud interpretasi atau pengguna tanda adalah konsep pemikiran dari orang yang menggunakan tanda, dan menurunkannya ke sesuatu makna tertentu, atau makna yang ada dalam minda seseorang, tentang objek yang dirujuk sebuah tanda. Hal yang terpenting dalam proses semiotik adalah bagaimana makna muncul dari sebuah tanda itu, digunakan oleh orang berkenaan semasa dia berkomunikasi.

1. 4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai 3 objektif iaitu:

- 1.4.1 Mengenalpasti pengalaman sosial dan politik penyair yang terlibat dalam sesuatu isu sosial, hasil cerminan atau gagasan yang terdapat dalam puisi A. Samad Said dan Taufiq Ismail.
- 1.4.2 Menghuraikan pemikiran A.Samad Said dan Taufiq Ismail mengenai hal-hal kemanusiaan, kemasyarakatan, dan sosiopolitik yang terjadi atau yang dialami kedua-kedua penyair.
- 1.4.3. Menganalisis makna dan mesej yang terdapat dalam karya puisi kedua-dua penyair untuk mengungkapkan permasalahan sosial orang Melayu khususnya, serta manusia seluruh alam.



1.5 Soalan Kajian

- 1.5.1 Apakah pengalaman sosial dan politik penyair yang terlibat dalam sesuatu isu sosial, dapat dikenal pasti dalam puisi A Samad Said dan Taufiq Ismail.
- 1.5.2 Apakah pemikiran A Samad Said dan Taufiq Ismail mengenai hal-hal kemanusiaan, kemasyarakatan, dan sosiopolitik
- 1.5.3 Bagaimanakah makna dan mesej yang terdapat dalam karya puisi kedua-dua penyair, dapat mengungkapkan permasalahan sosial orang Melayu

1.6 Kepentingan Kajian



Kajian mengenai pemikiran dalam pengalaman sosial oleh A Samad Said dan Taufiq Ismail ini dapat memenuhi usaha perbandingan teks (puisi) penyair Malaysia dan Indonesia dengan baik. Oleh itu, pemahaman akan bahasa puisi sangat penting dalam memahami karya sastera, khasnya bidang puisi, kerana kedudukan puisi dalam genre sastera dianggap yang teratas. Justeru ia memperlihatkan bahawa bidang puisi, terutamanya puisi moden atau lebih dikenali sebagai sajak moden, memerlukan keahlian seorang penyair dalam memanfaatkan bahasa semaksimum mungkin. Sementara khalayak puisi pula, perlu diberi pemahaman yang dalam, betul dan lebih ilmiah, bagi memenuhi tuntutan apresiasi dan keperluan estetik, andainya puisi mahu diletakkan pada tempat yang terhormat. Kajian ini turut memperbanyakkan lagi kajian puisi moden yang pernah dilakukan sejak tahun 1950-an, sebagai penelitian yang serius terhadap perkembangan puisi di daerah Nusantara yang berbahasa Melayu.



Penelitian mengenai pemikiran, serta pengalaman sosial para penyair Melayu, khasnya untuk karya puisi A.Samad Said (Malaysia) dan Taufiq Ismail (Indonesia), secara perbandingan dalam konteks serantau belum dihasilkan lagi, biarpun kajian di peringkat pengajian tinggi di masing-masing negara pernah dilakukan. Umumnya, kajian puisi moden baik di Indonesia mahupun di Malaysia, lebih dititikberatkan faktor-faktor kebahasaan, gaya dan estetika, dan juga mengenai citra manusia yang digunakan penyair. Sementara kajian puisi menurut teori semiotik (lebih-lebih lagi semiotik sosial) kurang dilakukan.

Pendekatan struktural-semiotik ialah sebagai satu cara untuk membongkar tanda-tanda, nescaya dapat memperlihatkan hakikat sastera dan hubungan pengarang dengan teks, hubungan pengarang dengan pembaca, dan hubungan pengarang dengan dunia nyata. Dengan analisis struktural-semiotik terhadap aspek pengalaman sosial dalam puisi A.Samad Said dan Taufiq Ismail, yang lebih menekankan segi tiga makna, berdasarkan tanda simbol, tanda ikon dan tanda indeks itu adalah relevan dengan gejala dan fenomena sosial yang ditempuh oleh kedua-dua penyair. Maka itu diharapkan kajian ini dapat mengumpul maklumat, bagaimana pengalaman dan pemikiran puitis mereka terhasil, serta gaya kepenyairan mereka membolehkan bahasa dilihat sebagai kesan fenomena sosial. Hal ini akan jelas kelihatan melalui analisis dan perbandingan sajak-sajak mereka. Dengan cara itu juga khalayak akan dapat memahami perkembangan bahasa puisi moden di Malaysia dan Indonesia, sejajar dengan kedudukan mereka yang mula giat berpuisi sejak 1950-an, dan sebagai penyair tersohor di negara masing-masing sehingga ke abad 21 kini.





Kekuatan sesebuah puisi terletak pada idea atau gagasan (kini lebih dikenali sebagai ideologi), namun kepaduan antara idea dan emosi atau gaya ekspresi seni juga tidak boleh dinafikan betapa penting, sepertimana yang dimaksudkan oleh Mathew Arnold, malahan William Wordsworth, meletakkan 'puisi sebagai nafas dan semangat yang lebih halus bagi segala ilmu pengetahuan'. Berdasarkan pendapat dua tokoh penyair dan pengkritik Barat di atas, jelaslah bahawa karya puisi adalah sebuah hasil kesenian yang tinggi nilai dan kedudukannya dalam tamadun manusia. Justeru ia perlu diberikan keutamaan oleh manusia sebagai menghargai sumbangan para penyair yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kreatif yang bertaraf tinggi, dan telah menjadi sebahagian khazanah kebudayaan bangsa.



1. 7 Skop dan Batasan Kajian



1.7.1. Mengkaji teks puisi A Samad Said (Malaysia) dan Taufiq Ismail (Indonesia) bagi mendapatkan pengalaman sosial dan politik yang dilalui mereka menerusi teks puisi yang terhasil sejak 1950-an. Karya puisi A Samad Said dikaji berdasarkan bukunya *Suara dari Dinding Dewan* (2003), *A Samad Said Sebuah Antologi Puisi yang Menghimpun Karya-karya Selama Lebih Setengah Abad* (2005), dan *Di Atas Padang Sejarah* (2013). Karya Taufik Ismail pula berdasarkan *Tirani dan Benteng* (2005), *Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia* (1998), dan *Mengakar ke Bumi Menggapai ke Langit* (2008).

1.7.2. Rasional pengkaji memilih dua tokoh penyair ini adalah seperti berikut: Penelitian ini bertolak daripada anggapan bahawa dalam perkembangan sejarah kesusasteraan moden di Indonesia dan Malaysia, puisi selalu mengalami perkembangan, terutama





dalam keputisan bidang bahasa, di samping idea dan pemikiran. Dengan munculnya sajak-sajak seperti penyair terkenal Taufiq Ismail dari Indonesia (lahir di Bukit Tinggi Sumatera, pada 25 Jun 1935), dan A Samad Said Malaysia (lahir pada 9 April 1935 di Belimbing Dalam, Melaka), maka dapatlah dianggap ia mempunyai pengaruh yang kuat. Ini kerana, kedua-dua penyair ini dapat dikelompokkan sebagai penyair pascamoden, atau pascamerdeka dan pascakolonial. Hasil kesungguhan atau komitmen kedua-duanya menulis dalam setiap dekad dengan tekun dan penuh tanggungjawab sosial, akhirnya mereka muncul sasterawan besar bangsa yang memiliki gagasan fikiran dan gaya bahasa tersendiri apabila menghasilkan puisi atau sajak moden. Penyair A Samad Said adalah sasterawan Malaysia yang pertama menerima Anugerah Asia Tenggara (SEA Write Award) pada tahun 1979, sementara Taufiq Ismail menerima anugerah daripada Kerajaan Thailand itu pada tahun 1993.



Penyair Taufiq Ismail adalah antara penyair angkatan 50-an, Angkatan 66 dan disebut juga Angkatan Terbaru di Indonesia, yang sezaman dengan Ajip Rosidi, Harto Andangdjaja, Goenawan Mohamad, Ramadhan K.H, Rendra dan Subagio Sastrowardoyo. Beliau mula menulis dan karya pertamanya tersiar dalam majalah *Bangkit* pada tahun 1954 (ketika masih jadi pelajar sekolah menengah) hingga kini telah menghasilkan ratusan puisi. Lima buah kumpulan puisinya yang terkenal adalah: *Tirani* (1966), *Benteng* (1966), *Puisi-puisi Sepi* (1971), *Kota, Pelabuhan, Ladang, Angin dan Langit* (1971), *Sajak Ladang Jagung* (1974), *Kenalkan, Saya Hewan* (1976), *Tirani dan Benteng* (cetak ulang, 1993), *Praha Budaya* (bersama D.S. Moeljanto, 1995), *Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia* (1998), dan kumpulan puisi terbarunya yang memuatkan seluruh puisi yang dihasilkan selama lebih 50 tahun (1953-2008) ke dalam kumpulan *Mengakar ke Bumi Menggapai ke Langit I* (diterbitkan oleh Panitia 55 Tahun Taufiq Ismail dalam





Sastra Indonesia, dan Majalah Sastra *Horison* pada tahun 2008, setebal 1076 halaman). Sejak 1974, puisi Taufiq juga turut dilagukan oleh penyanyi Himpunan Musik Bimbo; penyanyi Chrisye, Ian Antono, dan Ucok Harahap.

Di Malaysia, nama A.Samad Said (lahir di Belimbing Dalam, Melaka, 9 April 1935) lebih menonjol dalam bidang novel atau cereka, pada hal pembabitannya dalam bidang puisi adalah lebih awal, atau berjalan serentak dengan karya prosa sejak tahun 1950-an. Samad lebih terkenal, khasnya dengan novel pertamanya *Salina* (1961) yang telah melonjakkan nama dan karyanya itu mendapat perhatian sarjana Belanda (Prof. A.Teeuw), apabila beliau menulis dalam majalah *Dewan Bahasa* (November 1964), memberikan apresiasi yang tinggi terhadap novel sulung Samad itu.



Sejak tahun 1960-an hingga 1994, A.Samad Said menghasilkan 11 buah novel, sementara kumpulan puisinya sehingga kini sebanyak lapan buah, bermula dengan *Daun-daun Berguguran* (1962), *Liar di Api* (1967), *Daun Semalu Pucuk Paku* (1978), *Benih Semalu* (1989), *Balada Hilang Peta* (1990), *Al-Amin* (1999), *Suara Dari Dinding Dewan* (2003), *Sebuah Antologi Puisi yang Menghimpunkan Karya-karya Selama Lebih Setengah Abad* (2005), dan *Di Atas Padang Sejarah* (2013). Sajak-sajaknya dalam *Daun-daun Berguguran*, *Liar di Api*, *Daun Semalu Pucuk Paku*, dan *Benih Semalu*, dapat membuktikan keakuan dan sifat kreatifnya yang teruji, terutamanya pada sajak-sajaknya yang kaya dengan tema patriotisme, nasionalisme dan romantisme, justeru ia dihasilkan pada waktu rakyat tanah airnya sedang ghairah memperjuangkan kemerdekaan.





1.8 Kaedah Kajian

Pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu Kaedah Kepustakaan dan Kaedah Analisis Teks.

1.8.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah ini merangkumi kajian bercorak bacaan daripada sumber bahan perpustakaan yang relevan. Tujuannya ialah untuk mencari jawapan kepada suatu subjek atau pemecahan permasalahan yang bersifat kritis dan mendalam. Sumber bacaan di sini adalah pelbagai seperti buku teks, tesis, latihan ilmiah, jurnal, prosiding, kumpulan kertas kerja, laporan penyelidikan dan sebagainya.



Sumber ini juga boleh diklasifikasikan sebagai rujukan utama dan sekunder. Rujukan utama bererti merujuk kepada sumber atau pengarang yang asli dan autentik. Bahan sekunder pula bermaksud subjek tulisan yang telah ditulis oleh orang kedua atau ketiga, berdasarkan pengarang asal atau autentik itu. Bahan sekunder telah mengalami transformasi dan modifikasi, malah ada yang berubah sama sekali. Sumber kajian sekunder dapat dimanfaatkan sebagai bahan penunjang kajian.





1.8.2 Kaedah Analisis Teks

Kaedah analisis teks ialah pembacaan teliti secara heuristik terhadap karya-karya puisi A Samad Said dan Taufiq Ismail yang menjadi bahan utama kajian makna tanda.

1.9 Teori Kajian

Pengkaji menggunakan teori semiotik yang diperkenalkan oleh Charles Sanders Peirce dalam analisis teks puisi A Samad Said dan Taufiq Ismail sebagai hasil pengalaman sosial. Peirce memperkenalkan tiga konsep sistem tanda: simbol, ikon dan indeks sebagai kaedah struktural-semiotik bagi membolehkan kajian dan proses pemaknaan tanda di dalam teks sastera, khususnya puisi dapat dilaksanakan.

1.10. Definisi Operasional

Beberapa konsep yang akan digunakan dalam kajian ini diberikan definisi istilah. Setiap istilah akan dijelaskan mengikut konteks dalam kajian bagi memudahkan pemahaman dan perkaitan serta perbincangan.

1.10.1 Pemikiran

1.10.2 Puisi

1.10.3 Isu semasa

1.10.4 Isu sosial





1.10.5 Intelektual Sosial/Masyarakat

1.10.6 Pengalaman Kreatif

1. 11. Metodologi Kajian

Keseluruhan kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) yang memberikan tumpuan pembacaan secara heuristik dan pembacaan teliti (*close reading*). Tanda-tanda yang diangkat daripada pembacaan dianalisis mengikut konteksnya dengan menggunakan kaedah semiotik yang dipelopori oleh Charles Sanders Peirce. Kajian dengan metode struktural-semiotik adalah kaedah kajian terhadap struktur bahasa puisi ke dalam unsur-unsur pembentuknya, kerana metode struktural-semiotik dapat menghubungkan bahagian-bahagian itu dan keseluruhannya dalam urutan linguistik suatu teks. Hal ini bertepatan dengan kaedah untuk memahami pola umum hubungan itu (A.L Becker, 1978:3).

Kajian ini juga mengkhusus kepada penelitian pengalaman dan pemikiran A Samad Said dan Taufiq Ismail, yang rata-ratanya mula berkarya sejak pertengahan 1950-an, dan kemudiannya menjadi penyair terkenal di negara Indonesia dan Malaysia. Pengkaji menggunakan istilah 'pengalaman' yang dibahagikan kepada dua pengalaman sahaja, iaitu pengalaman sosio-budaya atau kemanusiaan dan kemasyarakatan, dan pengalaman sosio-politik, bagi mengaitkan penglibatan kedua-dua penyair ini terhadap lanskap sosiobudaya masing-masing.





Selain mencari kesatuan makna dan pemikiran penting dalam puisi, kesan estetik dan nilai kepuhutan sesebuah sajak turut disentuh semasa analisis teks puisi dilakukan. Ini kerana bahasa puisi juga bukan semata-mata mengandungi erti atau makna kamus, sebaliknya memiliki konotasi dan makna tambahan, bahasa kiasan, lambang atau tanda yang amat dekat dengan nilai dan tatabudaya bangsa Melayu yang boleh melahirkan kesan estetik dan puitis. Dalam kajian secara pembacaan teliti (*close reading*) ini, tanda-tanda diangkat daripada pembacaan dan analisis mengikut konteksnya dengan kaedah atau teori semiotik yang dikemukakan oleh Charles Sanders Peirce, khasnya mengenai simbol, indeks dan ikon dijadikan asas penelitian ini. Pengkaji juga mengambil kira pendapat Jonathan Culler, yang menjelaskan strukturalisme tidak ada perbezaan ketara dengan semiotik itu, juga berpendapat, bahawa proses pemberian makna akan lebih baik, jika pengkaji mengutamakan konsep 'rasa', berbanding menggunakan konsep 'makna' semata-mata. Dalam budaya Melayu, konsep rasa dilihat cukup penting, dan ia dapat membantu khalayak memahami pesan dan isi sesebuah puisi.

Pengkaji berpendapat gabungan konsep segi tiga makna oleh Peirce, konsep rasa Jonathan Culler, dan rasa dalam budaya Melayu akan lebih memudahkan lagi puisi difahami, malahan sebagai sebuah karya seni yang tinggi. Jonathan Culler (lahir 1944) adalah Profesor Bahasa Inggeris di Cornell University, Amerika Syarikat, terkenal dengan bukunya *Structuralist Poetics: Structuralism, Linguistics and the Study* (1975). Beliau terkenal dengan konsep puisi lirik, yang mempunyai cara luar biasa untuk menyampaikan pandangannya mengenai masa, angin, pohon dan juga sebuah kematian. Ini semua memperjelaskan tentang tujuan puisi lirik dan hakikat rasa, dan bagaimana kita harus menggunakannya.





Bagi mencapai tujuan dan matlamat ini, pengkaji mengumpul bahan melalui kaedah penyelidikan kepustakaan. Langkah pertama adalah pengumpulan bahan dan data yang pernah ditulis mengenai Taufiq Ismail, dan A Samad Said . Di samping itu, karya-karya lain yang pernah dihasilkan mereka juga seperti cerpen, novel, esei kritikan ataupun autobiografi turut dipermanfaatkan. Bahan-bahan ini penting untuk mengkaji pengalaman kreatif mereka dengan dunia luar, masyarakat, zaman dan juga tokoh penting serta karya yang menjadi aset kepenyairan mereka.

Buku-buku yang berkaitan dengan kedua-dua penyair yang terdapat di negara-negara berkenaan juga sangat membantu kajian ini, bagi melihat perkembangan sosiobudaya atau sejarah sosial yang menjadi penyumbang kepada perkembangan kreativiti seni mereka. Penelitian teks ditumpukan pada karya puisi penyair terbabit yang dibukukan dalam kumpulan perseorangan, antologi bersama, di samping wacana dan makalah mengenai mereka yang tersiar dalam jurnal, majalah dan akhbar. Judul teks atau kumpulan puisi yang dikaji ialah: *Suara dari Dinding Dewan* dan *Sebuah Antologi Puisi yang Menghimpunkan Karya-karya Selama Lebih Setengah Abad* (karya A Samad Said); *Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia, Tirani dan Benteng* , dan *Mengakar ke Bumi Menggapai ke Langit* (karya Taufiq Ismail). Teks terbaru disusun oleh Taufiq Ismail bertajuk *Puisi-puisi Pintu Kubur* yang menghimpunkan 22 buah karyanya yang bertemakan kematian (mulai 1992-2017). Kebanyakan puisi tersebut telah dilagukan dan dinyanyikan oleh Bimbo.

Matlamat akhir kajian ini diharapkan dapat menghasilkan pemikiran yang jelas mengenai pemikiran atau gagasan fikiran di samping aspek keputisan sesebuah puisi, baik dari segi kesan estetik atau artistik yang dilahirkan oleh para penyair berkenaan



berteraskan pengalaman sosial penyair yang berkomunikasi dengan masyarakat tempatan dan Nusantara. Di samping itu, kajian ini juga mampu memperlihatkan pemikiran kreatif dan pengayaan bahasa Melayu yang pelbagai, sebagai bahasa kreatif berstatus tinggi dan penting, pada abad ke-20 dan ke-21 Masehi.

1. 12 Pembacaan Teliti

Karya puisi dua penyair Nusantara yang dibaca dan diteliti dengan memberikan penafsiran dan pemahaman kepada karya berdasarkan pembacaan dan penafsiran semiotik. Setelah pemahaman tentang puisi kedua-dua penyair ini dibuat secara menyeluruh, pengkaji berasa yakin bahawa teks puisi tersebut mempunyai keunikan dan keistimewaan dalam hal aspirasi, visi dan daya estetik penyair berkenaan. Sifat tanda-tanda seperti simbol, ikon dan indeks, serta sifat penyair menjadi ikon individu dan ikon sosial, dan maksud 'rasa' yang dimaksudkan Jonathan Culler itu dapat dikesan. Hal ini akan memperlihatkan juga kaitannya dengan dua pengalaman penting penyair yang akan memantapkan lagi pengalamannya menjadi sebuah pemikiran yang besar dan bermakna kepada masyarakatnya.

1.13 Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan struktural-semiotik yang dipelopori oleh Charles Sanders Peirce tentang fungsi tanda yang didominasi oleh simbol, indeks dan ikon, dan menggabungkannya dengan semiotik yang dikemukakan oleh Aart van Zoest, di samping



mengambil kira teori erti yang diungkapkan oleh Michael Riffaterre, mengenai berlakunya penyimpangan erti, penggantian erti dan penciptaan erti, serta hubungan teks lain, dan juga pandangan Jonathan Culler tentang hakikat tanda, serta hubungannya dengan 'rasa', 'makna', dan intelektualiti penyair, yang ada persamaannya dengan teori *Rasa-Fenomenologi* hasil kajian Sohaimi Abdul Aziz (1998) terhadap sajak dan karya kreatif Sasterawan Negara A Samad Said.

Pendekatan struktural-semiotik berlandaskan bahawa karya sastera memiliki suatu sistem sendiri, dan atau dunianya sendiri, dan sebagai suatu realiti yang hadir atau dihadirkan di hadapan pembaca. Di dalam teks puisi terkandung potensi komunikatif yang ditandai dengan hadirnya lambang-lambang kebahasaan yang khas, mengandungi nilai artistik dan keputisan. Lambang bahasa sastera yang mempunyai nilai artistik dan keputisan itu juga dihasilkan oleh suatu rangsangan kreatif dan subjektiviti penyair, yang memperlihatkan daya ekspresi penyair sentiasa tumbuh dan berkembang subur, sehingga muncul variasi teknik penulisan, gaya dan pelbagai jenis ekspresi seni yang unik. Dengan itu, gaya pengucapan sesebuah puisi mempunyai keutuhannya sendiri. Pada bab kelima dapat dilihat kekuatan kedua-dua penyair ini mengambil posisi sebagai ikon individu dan ikon sosial.

1.14 Pembahagian Bab

Untuk mencapai hasrat dan tujuan di atas, pengkaji membahagikan bab-bab kajian atau penelitian puisi dua penyair ini, khususnya dalam melihat pemikiran mereka akan dilakukan dalam lima bab seperti berikut:





Bab 1 (Pendahuluan), menghuraikan perkembangan puisi moden di Indonesia dan Malaysia sepintas lalu. Perbincangan seterusnya mengenai latar belakang masalah, skop kajian, teori dan pendekatan, dan metodologi kajian yang dijalankan bagi menjelaskan tujuan dan matlamat kajian pemikiran kedua-dua penyair Nusantara ini.

Bab 2 pula adalah Sorotan Kajian yang Lepas (*literature review*) yang berkaitan dengan karya puisi tokoh yang dikaji, iaitu A Samad Said (Malaysia) dan Taufiq Ismail (Indonesia). Sebelum itu, pengkaji memasukkan sejarah ringkas perkembangan puisi moden di kedua-dua negara. Sehingga kini kajian terhadap Taufiq Ismail di Indonesia agak banyak dilakukan sejak tahun 1960-an. Mereka yang mengkaji sajak-sajak Taufiq adalah sarjana di Indonesia sendiri seperti Subagio Sastrowardoyo, Sapardi Djoko Damono, Kuntowijoyo, dan Suminto A. Sayuti, dan beberapa pengkaji luar negeri seperti Harry



Aveling dan A. Teeuw.

Bagi penyair dan Sasterawan Negara Malaysia A. Samad Said pula, beberapa pengkaji puisi tanah air seperti Dharmawijaya, Ali Ahmad, Ahmad Kamal Abdullah, Rahman Shaari, dan Sohaimi Abdul Aziz, meletakkan Samad sebagai salah seorang penyair penting Malaysia, sejak dekad 1950-an hingga kini, selepas Usman Awang di Malaysia, atau sesudah Noor S. I. di Singapura.

Kajian dan sorotan yang dilakukan terhadap dua penyair ini menjadi titik-tolak kajian seterusnya, kerana bermula dengannya, maka pengkaji dapat melihat secara kronologis perkembangan kreativiti penyair ini, yang terus menjadi penyumbang penting (karya puisi) di negara masing-masing, dan kesannya menjadikan mereka tokoh yang terkenal di peringkat serantau dan antarabangsa.





Bab 3 – Perbincangan mengenai konsep pemikiran, dan pengalaman sosial yang dapat dihubungkan dengan dunia kreativiti, fungsi bahasa kreatif, dan tanggungjawab penyair, yang kesemuanya menjadi penyumbang atau unit komponen terpenting bagi penulisan dan pemikiran seseorang penyair.

Bab 4 – adalah analisis dan perbincangan penting terhadap karya puisi dua tokoh yang dikaji. Pengalaman Sosial (atau kemanusiaan dan kemasyarakatan) dan isu politik dalam Puisi A Samad Said dan Taufiq Ismail, sebagai teras atau fokus utama kajian ini. Kajian berdasarkan tema puisi yang dominan iaitu aspek sosial dan kemanusiaan, dan sosiopolitik, dilakukan secara kronologis sejak zaman awal mereka menulis, iaitu dekad 1950-an sehingga kini. Dengan cara ini, dapatlah dilihat kekuatan dan daya kepuitisan mereka dalam menghasilkan puisi yang bermakna dalam sesuatu zaman.



Bab 5 – Isu-isu sosial dalam puisi A Samad Said dan Taufiq Ismail: Suatu Kesan Perbandingan. Istilah intelektual sosial atau *public intellectual* mula diperkenalkan oleh Ignas Kleden (2004) itu wajar dikaji, kerana ia menjadi salah satu fenomena sosial. Sebagai hasil pengalaman sosial mahupun pengalaman politik, kedua-dua penyair ini berjaya merakamkan pengalaman masing-masing ke dalam teks puisi sepanjang 50 tahun berkarya, atau selama lima dekad yang sangat penting, dilihat suara dan visi mereka yang vokal, khasnya ketika berjauang dalam membangun negara bangsa masing-masing, dan kerana itu sumbangan mereka ini sangat wajar dilihat sebagai khazanah utama pembangunan minda bangsa. Kedua-dua penyair ini layak diletakkan sebagai intelektual masyarakat. Pada akhirnya mereka dapat melahirkan pemikiran dan gaya individual serta gaya sosial yang tersendiri.

Pada bab ini, dapat dilihat ikon individu dan ikon sosial hasil daripada analisis teks puisi





kedua-dua penyair ini. Hasil pemikiran kedua-dua penyair ini iaitu A Samad Said dan Taufiq Ismai yang dikaji, dengan menggunakan beberapa teori semiotik ini diharapkan dapat membawa khalayak sastra Malaysia dan Indonesia (termasuk dunia Melayu umumnya) lebih memahami karya seni, khususnya puisi, di samping memperlihatkan keupayaan bahasa Melayu telah berkembang menjadi bahasa kreatif (khususnya bagi penciptaan puisi) yang dapat disebarkan dalam masyarakat tempatan, serantau dan antarabangsa, sesuai dengan prinsip semiotik yang melihat bahasa berkembang menjadi sebahagian fenomena sosial.

